

D471

U B548 AAB
MAHATHIR - UMNO R'R'R'

KUALA LUMPUR, 16 OKT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI MALAM INI MENGUMUMKAN PENUBUHAN UMNO DI SABAH YANG BERKUATKUASA SERTA MERTA. KATANYA, TIMBALAN PERDANA MENTERI, GHAFAR BABA AKAN KE SABAH ESOK UNTUK MENGURUSKAN PENUBUHAN UMNO DI NEGERI ITU DAN BERUNDING DENGAN USNO MENGENAI KEPUTUSAN ITU.

KEPUTUSAN ITU DIBUAT OLEH MAJLIS TERTINGGI UMNO YANG MENGADAKAN PERJUMPAAN TIDAK RASMI DI SERI PERDANA MALAM INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, KEPUTUSAN MAJLIS TERTINGGI ITU TELAH DIPERSETUJUI OLEH PRESIDEN USNO, TUN DATU MUSTAPHA DATU HARUN YANG DIHUBUNGI DI SABAH DAN BELIAU BERSEDIA BERUNDING MENGENAI PERKARA ITU.

KATANYA, ENCIK GHAFAR AKAN MENYUSUN KERJA PENUBUHAN UMNO DI SABAH DI SAMPING MEMBANTU USNO DAN CALON-CALON BEBAS YANG BERSETUJU MENERIMA BANTUAN BARISAN NASIONAL UNTUK BERKEMPEN MENENTANG CALON-CALON PBS PADA PILIHAN RAYA INI. -- LAGI.
2354MST 16-10 90

D474

U B549 AAB
MAHATHIR - UMNO 2 KUALA LUMPUR R'R'R'

PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA PENUBUHAN UMNO DI SABAH BUKAN BERTUJUAN UNTUK MENENTANG USNO MALAH UMNO SENTIASA MENYOKONG PARTI ITU. BAGAIMANAPUN DI SESETENGAH TEMPAT, RAMAI YANG MEMINTA SUPAYA UMNO DITUBUHKAN.

+KITA TIDAK MAHU MEMASUKI POLITIK DI SABAH MAKA KITA TELAH MENASIHATKAN MEREKA SUPAYA TIDAK MENUBUHKAN UMNO TETAPI KITA DAPATI BAHAWA ADA ORANG DI SANA YANG TIDAK MENYERTAI PBS DAN MASIH JUGA MEMPUNYAI MINAT UNTUK MENYOKONG UMNO+, KATANYA.

BELIAU BERKATA, UMNO TIDAK AKAN BERLAWAN DENGAN USNO TETAPI DI MANA USNO BERADA, UMNO AKAN MEMBERI SOKONGAN DI SAMPING MENYOKONG CALON BEBAS YANG MENENTANG PBS.

APABILA DITANYA SAMPA ADA UMNO TELAH MELANTIK ORANG YANG AKAN MENERAJUI UMNO DI SABAH, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, PARTI ITU TELAH MEMPUNYAI CALONNYA TETAPI BELUM DAPAT BERTUBUH DENGANNYA SETAKAT INI.

BAGAIMANAPUN, BELIAU MEMBERI BAYANGAN BAHAWA CALON ITU MEMPUNYAI HUBUNGAN KELUARGA DENGAN SEMENANJUNG DAN ENCIK GHAFAR AKAN MENEMUI BELIAU DI SABAH. -- LAGI.
0008MST 17 10 90

D475

R B550 AAB
MAHATHIR - UMNO 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA ENCIK GHAFAR JUGA AKAN MENGURUSKAN PEMBENTUKAN JAWATANKUASA PENAJA UMNO DI SABAH SEMASA BELIAU DI NEGERI ITU.

KATANYA, KESAN LANGSUNG DARIPADA PENUBUHAN UMNO DI NEGERI ITU IALAH DALAM MEMBANTU CALON USNO DAN CALON BEBAS YANG BERTANDING MENENTANG PBS PADA PILIHAN RAYA INI.

BELIAU PERCAYA RAMAI RAKYAT DI SABAH YANG INGINKAN UMNO DITUBUHKAN DI NEGERI ITU DAN BELIAU YAKIN PARTI ITU AKAN MENDAPAT SAMBUTAN YANG MENGGALAKKAN.

KETIKA DITANYA SAMA ADA UMNO AKAN MENERIMA ANGGOTA PBS YANG TIDAK BERSETUJU DENGAN TINDAKAN PARTI ITU KELUAR DARIPADA BN, BELIAU BERKATA UMNO TIDAK MENGHALANG MEREKA DARIPADA BERBUAT DEMIKIAN.

PERDANA MENTERI MENAMBAH KATA, TINDAKAN PBS ITU DIPERCAYAI SEBAGAI SATU KEPUTUSAN SAAT AKHIR SEHINGGA TIDAK DIKETAHUI LEBIH AWAL OLEH MAJLIS TERTINGGI PARTI ITU, LEBIH-LEBIH LAGI KEBANYAKAN ANGGOTANYA. -- LAGI.

0011MST 17 10 90

D477

U B551 AAB
MAHATHIR - UMNO 4 KUALA LUMPUR 'R'R'

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA, BELIAU YAKIN SAMBUTAN MESRA YANG DIBERIKAN OLEH BEBERAPA ORANG PEMIMPIN PBS SEMASA LAWATANNYA KE SABAH ADALAH IKHLAS KECUALI DATUK SERI PAIRIN KITINGAN YANG BERPURA-PURA.

SEMENTARA ITU, ENCIK GHAFAR BERKATA, BELIAU AKAN BERADA DI SABAH SEHINGGA HARI PENGUNDIAN.

BELIAU AKAN MENGADAKAN RUNDINGAN DENGAN TUN DATU MUSTAPHA SEBELUM MENGGERAKKAN JENTERA UMNO, BERKEMPEN DI NEGERI ITU.

KATANYA, PERKARA-PERKARA LAIN YANG MELIBATKAN PROSES PENUBUHAN UMNO AKAN DIURUSKAN SEPANJANG TEMPOH BELIAU DI SANA.

ADALAH DIFAHAMKAN, ENCIK GHAFAR AKAN MENGETUAI KUMPULAN EMPAT ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI UNTUK KE SABAH. MEREKA IALAH DATUK KADIR SHEIKH FADZIR, HAJI RAHIM BAKAR DAN ENCIK MOHAMAD NOOR MOHAMAD DOM. -- BERNAMA.

0021MST 17 10 90